



## IKLAN JAWATAN KOSONG JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN GRED U29

### INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Juruteknologi Pergigian  
(b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia  
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan Dan Kesihatan (U)  
(d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana  
(e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan Diploma  
(f) Gred : U29

2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
U29	1,797.00	5,753.00	145.00

- Imbuan Tetap : Khidmat Awam : RM 160.00  
Perumahan : RM 300.00

3. Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-  
a) Warganegara Malaysia;  
b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
c) Kelayakan Lantikan Ke Gred U29 :

: Diploma dalam bidang teknologi pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

- Gaji Permulaan : Gred U29: RM1,797.00

## DAN

Syarat Lantikan Tambahan :

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Pemohon yang berjaya akan ditawarkan jawatan bertaraf Kontrak dalam satu tempoh masa yang ditetapkan sebelum dipertimbangkan ke jawatan bertaraf Tetap.
5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Universiti untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) mempunyai kelayakan di perkara 3.1(c); dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
6. Ringkasan Tugas : **Umum**
- Bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan pergigian yang spesifik bagi memulihkan fungsi mulut. Membuat prostesis pergigian bagi meningkatkan aspek fonetik dan estetik untuk meningkatkan keyakinan pesakit dan kualiti diri.
- Khusus**
- Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Catatan :

- i) **Jawatan ini akan ditempatkan di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan.**
- ii) Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia.

**PENDAFTAR**